

KUALA LUMPUR, 7 APRIL (BERNAMA)-MALAYSIA DAN INDONESIA DIJANGKA AKAN MENGISYTIHARKAN PEMAKAIAN SECARA RESMI ISTILAH YANG DI SELARASKAN OLEH KEDUA NEGARA ITU DALAM TAHUN INI.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA USAHA-USAHA BAGI MENYELARASKAN ISTILAH DALAM BIDANG ILMU PENGETAHUAN ANTARA BAHASA MALAYSIA DENGAN BAHASA INDONESIA TELAH DIJALANKAN TERUAMA SELEPAS PEMAKAIAN SISTEM EJAAN BAHARU PADA TAHUN 1972.

SEBUAH JAWATANKUASA TETAP BAHASA MALAYSIA YANG DI PengerusiKAN OLEH KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TELAH DIBENTUK PADA AKHIR 1972.

JAWATANKUASA ITU TELAH BERBINCANG DENGAN PENITIA PENGEMBANGAN BAHASA INDONESIA DAN HASILNYA SEBUAH MAJLIS BAHASA INDONESIA-MALAYSIA TELAH DIBENTUK PADA 19 DISEMBER, 1972.

MENJAWAB HAJI AHMAD SHUKRI, (BN-PADANG TERAP) BELIAU BERKATA MAJLIS ITU BERFUNGSI DAN BERTINDAK SEBAGAI SATU BADAN YANG MENGADAKAN PERTEMUAN-PERTEMUAN UNTUK MEMBINCANGKAN MENGENAI BAHASA INDONESIA DAN MALAYSIA.

MAJLIS BAHASA INDONESIA-MALAYSIA ITU TELAH MENGADAKAN PERSIDANGAN SEBANYAK LIMA KALI SECARA BERGILIR-GILIR DI MALAYSIA DAN DI INDONESIA DAN KEMAJUANNYA MENGGALAKKAN.

MAJLIS TERSEBUT TELAH SEPAKAT DAN MENYIAPKAN RUMUSAN-RUMUSAN PENTING PEDOMAN UMUM PEMBENTUKAN ISTILAH DAN PEDOMAN UMUM EJAAN YANG LEBIH LENGKAP.-BERSAMBUNG HM 1816

DENGAN ADANYA PEDOMAN UMUM PEMBENTUKAN ISTILAH YANG SAMA, KEMASUKAN ISTILAH-ISTILAH BARU ILMU PENGETAHUAN DALAM KEDUA BAHASA AKAN LEBIH SELARAS DAN MEMBERI MENAFAAT KEPADA PERKEMBANGAN KEDUA-DUA BAHASA.

SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA ISTILAH-ISTILAH ILMU PENGETAHUAN TERUTAMA DALAM BIDANG ILMU SAINS DAN TEKNOLOJI YANG BERBEZA SELAMA INI MUNGKIN MUDAH DAPAT DI SELARASKAN SECARA BERSISTEM.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA SERTA PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI TELAH MULA MEMPRAKTIKKAN SEBAHAGIAN DARIPADA ISTILAH-ISTILAH BAHASA MALAYSIA YANG TELAH DI SELARASKAN DENGAN BAHASA INDONESIA.

SEKARANG INI PERSIAPAN SEDANG DIBUAT SUPAYA HASIL-HASIL KERJA MAJLIS INI DAPAT DITELITI DAN DIPUTUSKAN.
--BERNAMA HM 1819